



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

**KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE**  
**Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia**  
**Department Of Syariah Judiciary Malaysia**  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : [naim1@esyariah.gov.my](mailto:naim1@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 ( 49 )  
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H  
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2019

#### Penerimaan Dokumen Pengesahan Mastautin Sebagai Bukti Permastautinan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Penerimaan Dokumen Pengesahan Mastautin Sebagai Bukti Permastautinan seseorang di bawah seksyen 4 Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri seperti yang berikut:

1. penentuan tempoh masa bermastautin seseorang hendaklah diperakukan oleh Imam Kariah/Pegawai Masjid melalui dokumen pengesahan mastautin berdasarkan peraturan/garis panduan/pekeliling yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri;
2. dokumen pengesahan mastautin tersebut hendaklah diterima tanpa prejudis oleh Pendaftar Mahkamah sebagai bukti permastautinan Pemohon/Plaintif untuk memfailkan sesuatu kes; dan

3. dokumen pengesahan mastautin tersebut boleh dicabar/dibantah oleh mana-mana pihak yang berhasrat untuk berbuat demikian semasa prosiding kes di hadapan hakim bicara.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



**(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA